

PROTOKOL TEMUBUAL TEKNIK DELPHI

NAMA PAKAR:

Dimensi		Definisi Istilah	Perkakasan teknologi	Perkhidmatan elektronik	Teknik Pengajaran	Aktiviti	Latihan
Persepsi	Sensing	Pelajar jenis ini lebih mengemari mempelajari fakta, menyelesaikan masalah secara tersusun dengan contoh yang berkaitan, lebih teliti dalam menjalankan kerja-kerja amali, gemar menghafal dan tidak gemar pelajaran yang tiada hubung kait dengan kehidupan di luar kelas.					
	Intuitif	Pelajar jenis ini lebih gemar kepada sesuatu yang baru, cepat bekerja dengan keadaan yang tidak tersusun, tidak gemar menghafal dan lebih gemar kepada formula-formula matematik serta sesuatu yang abstrak. Pelajar jenis ini juga tidak gemar guru mengulangi pelajaran yang telah dipelajari dan lebih suka kepada inovasi.					

	Aktif	Pelajar jenis ini lebih memahami dan mengingati apa yang dipelajari dengan melakukan sesuatu, berbincang dan menerangkan kepada yang lain, suka bekerja dalam kumpulan dan tidak gemar pengajaran secara kuliah sahaja.					
Proses	Reflektif	Pelajar jenis ini lebih suka bersendirian dan cuba memikirkan penyelesaian masalah secara senyap dan mereka lebih senang pengajaran adalah secara kuliah.					

Input	Visual	Pelajar ini lebih mengingat apa yang dipelajari sekiranya mereka melihat gambar, rajah, carta alir dan demonstrasi. Mereka lebih menggemari guru yang mengajar dengan menggunakan bahan bantuan mengajar serta menggunakan banyak persembahan grafik dalam pengajarannya.					
	Verbal	Pelajar ini lebih suka mendengar guru atau perbincangan yang dijalankan di kelas dan suka membaca kuat serta mengulanginya beberapa kali.					

Pemahaman	Sekuential	Pelajar jenis ini mampu memahami sesuatu apabila disampaikan dalam bentuk urutan daripada mudah kepada yang kompleks. Mereka agak sukar mendapat gambaran sebenar sesuatu perkara tersebut dan tidak boleh membuat hubungkait dengan subjek lain atau disiplin lain. Dalam menyelesaikan masalah, mereka lebih gemar menunjukkan jalan kerja yang teratur dan mudah faham.					
	Global	Pelajar jenis ini mudah memahami sesuatu maklumat secara holistik dan agak lambat dan tidak sistematik dalam penyelesaian masalah kecuali setelah mereka mendapat gambaran yang menyeluruh tentang perkara tersebut. Mereka lebih gemar mengaitkan pengetahuan atau pengalaman lepas untuk mendalami sesuatu perkara dan dapat menghubungkait dengan subjek atau disiplin lain.					